

Badan petugas khas awasi syarikat milik kerajaan

2 MAY 1986

ALOR STAR, Khamis — Kerajaan menubuhkan sebuah badan petugas khas untuk menyelidiki perjalanan syarikat miliknya dan mengambil langkah memulihkan syarikat yang merosot prestasinya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata badan itu diberi tanggungjawab untuk mengumpulkan maklumat semua 900 syarikat milik kerajaan negeri dan pusat dalam sebuah Pusat Data Maklumat.

"Langkah itu bertujuan memastikan kerajaan dapat mengesan dari awal sama ada syarikat berjalan dengan baik atau tidak," ujarnya ketika berucap merasmikan bangunan baru Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) berharga \$15 juta, di sini hari ini.

Bellau berkata, kera-

jaan mendapati ada syarikatnya yang tidak diuruskan dengan sempurna dan berlaku kes pengurusan dan pengarah yang terbabit dengan kegiatan yang tidak diingini.

"Jika kita dapati ada data pelik yang tidak seharusnya ada dalam syarikat, kita akan segera menghantarkan satu 'Pasukan Bomba' untuk pergi melihat akaun syarikat itu yang tidak begitu baik.

Mencegah

"Pasukan bomba ini akan ditempatkan di Kementerian Kewangan dan ia dianggotai oleh pegawai yang berpengalaman dalam bidang pengurusan dan kewangan," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan berharap dengan adanya sistem maklumat awal itu ia dapat mencegah kejadian yang tidak diingini dalam syarikat miliknya.

Menurutnya,

langkah pencegahan awal itu perlu bagi mengelakkan kelewatan untuk membetulkan pengurusan syarikat berkenaan apabila ia sampai ke tahap yang teruk dan diketahu umum.

Perdana Menteri berkata, pengurus yang jujur dan cekap tidak perlu takut kepada pasukan itu dan mereka patut bekerjasama dengan memberi segala maklumat kepada pusat data yang ditubuhkan itu.

Beliau berkata, kerajaan terpaksa mengka-ji semula tugas yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) untuk menentukan pihak manakah yang diutamakan dalam soal penyertaan badan iktisas itu.

"Pada mula tujuannya ialah supaya kita dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam negara dengan mengadakan syarikat yang besar. Ada juga pihak memberi tafsir-

ran kita mengadakan perbadanan itu untuk membantu pendapatan kerajaan negeri," ujarnya.

"Bagi kerajaan, modal yang diberi kepada PKEN adalah modal rakyat dan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk mengagihkan kekayaan negara kepada penduduk negara ini, syarikat yang mencapai keuntungan dipindahkan kepada Amanah Saham Nasional (ASN) agar keuntungannya dapat dinikmati oleh rakyat.

"Hasrat kita ialah supaya rakyat menikmati keuntungan ini, terutama Bumiputera yang kita telah janji bahawa mereka akan dapat memiliki 30 peratus kekayaan negara," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, dalam menghadapi kelembapan ekonomi sekarang, kerajaan berharap semua PKEN dapat mencari modal sendiri dengan meningkatkan prestasi dan kecekapan pengurusan.